

Mereka bukan pejuang tulen kaum pekerja — Mahathir

KUALA LUMPUR 10 Julai — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja seperti Zainal Rampak dan V. David bukanlah pejuang tulen pihak pekerja, tetapi mereka adalah pembelot kepada negara.

Menurut beliau, orang-orang seperti ini ingin menjadi pemimpin kesatuan sekerja untuk membolehkan mereka berkuasa dan memperalatkan kesatuan untuk mendapat peruntukan yang banyak, kutipan (wang ahli) yang banyak dan kemudiannya menggunakan

segala peluang yang ada untuk kepentingan diri sendiri.

Yang paling jelas, kata beliau, ialah orang seperti ini tidak ada kesetiaan pada negara sendiri.

Dr. Mahathir berkata, MTUC sendiri sebagai sebuah badan induk kesatuan sekerja

tidak ada cacat celanya, tetapi yang menjadi masalah ialah MTUC dipimpin oleh parti pembangkang dan parti pembangkang tidak ada kesetiaan kepada negara.

Katanya, apa yang mereka tahu ialah memburuk-burukkan nama Malaysia di luar negara.

"Kalau apa yang mereka katakan itu benar tidak mengapa tetapi ini berbohong kepada orang lain tentang keadaan negara.

"Mereka sedikit pun tidak mempunyai kesetiaan kepada

LIHAT MUKA 2

MEREKA BUKAN PEJUANG TULEN KAUM PEKERJA — MAHATHIR

negara... pemimpin-pemimpin seperti Zainal Rampak dan V. David sebenarnya mengutamakan kepentingan diri mereka bukannya pekerja," katanya selepas melancarkan Pameran Belia Dalam Pembinaan Negara anjuran MCA dan beberapa pergerakan belia di Pusat Membeli-belah Lot 10 di sini.

Beliau menegaskan demikian apabila ditanya mengapa kabinet tidak membuat keputusan untuk mengambil tindakan ke atas MTUC setelah Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek membentangkan laporan lengkap mengenai tingkah laku MTUC ketika menghadiri persidangan tahunan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) baru-baru ini.

Berhubung perkara itu, Dr. Mahathir menambali, kerajaan tidak mahu mengambil tindakan kerana MTUC tidak melanggar undang-undang.

Dr. Mahathir menegaskan, jika mereka bertindak sehingga melanggar undang-undang, barulah kerajaan boleh ambil tindakan.

"Tapi hakikatnya mereka ini adalah pembelot kepada negara sendiri kerana mereka sanggup diperalatkan oleh kesatuan Barat yang ingin melihat pekerja-pekerja negara kita mengganggu akibat ekonomi yang merosot.

"Setakat ini mereka pandai... mereka tidak melanggar undang-undang, tetapi yang nyata lagak mereka adalah seperti orang yang menderhaka kepada negara sendiri... mereka tinggal di sini, hidup di sini, semuanya di sini, tetapi akhirnya bertindak memburuk-burukkan negara mereka sendiri," tegas Perdana Menteri.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan terpaksa mendedahkan sikap dan perangai orang-orang ini supaya rakyat dan pekerja memahami siapa sebenarnya pemimpin mereka.

Sementara itu, Lim Ah Lek ketika bercakap kepada para pemberita berkata, MTUC kini tidak boleh mendabik dada dan mengatakan mereka adalah kesatuan induk yang besar dan berpengaruh kerana daripada maklumat yang dikumpulkan oleh kerajaan, ternyata banyak ahli gabungan telah menarik diri sebagai ahli.

Beliau berkata, kerajaan sedang mengkaji berapakah jumlah ahli gabungan MTUC yang telah keluar.

"Jika setahun dua dulu mereka kata ahli mereka 10,000 orang saya percaya kini jumlahnya hanya 8,000 sahaja," ujar beliau.

Berhubung kenyataan Zainal pagi ini yang mengatakan keputusan kerajaan yang

tidak akan mengambil sebarang tindakan ke atas MTUC adalah bukti bahawa mereka (MTUC) tidak bersalah, Lim berkata, adalah menjadi lumrah dunia yang bersalah tidak akan mengaku salah.

"Zainal boleh kata apa sahaja yang dia suka, tetapi semua orang tahu apa yang dia lakukan semasa di Persidangan ILO," kata Lim lagi.

Beliau menarik perhatian, kerajaan memang menjangkakan bahawa orang-orang seperti Zainal Rampak akan menafikan sebarang penglibatannya dalam isu ini.

Lim juga berkata, walaupun kerajaan tidak mengambil sebarang tindakan ke atas MTUC, itu tidak bermakna mereka bebas berbuat sesuka hati.

Kata Lim, walaupun tanpa MTUC, para pekerja masih boleh menerima banyak faedah sama ada daripada kerajaan mahupun pihak lain.

Lim menegaskan, soalnya sekarang ialah, jika benar MTUC cukup bagus sebagai sebuah badan induk kesatuan sekerja, mengapakah setiap tahun keahlian mereka semakin menurun?

Kini 150 buah kesatuan dalam perkhidmatan awam dan swasta bergabung dengan MTUC.